

11 FEB 2001

Abdullah-Konsensus (Bergambar)

PENTING BAGI BN PASTIKAN SOKONGAN PENUH DALAM APA JUGA PERKARA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata adalah penting bagi memastikan apa juga yang dibuat oleh Barisan Nasional (BN) berkaitan sesuatu perkara mendapat sokongan penuh semua parti komponen.

Beliau berkata banyak juga perkara sensitif yang biasa dibawa kepada BN yang memerlukan perbincangan dan permuafakatan sehingga mendapat persetujuan.

"Kita tidak suka membuat sesuatu yang kerananya berlaku perpecahan dalam BN. Jadi walau apa juga yang kita usahakan, kita usahakan sedaya upaya (agar) biar semua setuju," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung ke-9 Barisan Progresif India Se-Malaysia (IPF) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan dasar Presiden IPF Datuk M.G.Pandithan yang meminta BN menghapuskan sistem konsensus yang disifatkannya sudah ketinggalan zaman.

Beliau berkata amalan konsensus di mana-manapun mempunyai kebaikan dan sebaliknya.

"Amalan konsensus sebenarnya satu amalan yang teruji kerana ia dapat mengekalkan muafakat dan kerjasama di kalangan komponen dan dengan itu tidak mengencilkan mana-mana pihak...itu adalah asasnya sistem konsensus," katanya.

Abdullah berkata BN amat memahami sokongan dan pengorbanan parti seperti IPF yang banyak menyumbang jasa walaupun berada di luar BN.

Beliau berkata apa yang penting adalah untuk memastikan serta mengusahakan apa yang terbaik untuk BN.

Abdullah juga berkata beliau akan menyampaikan mesej serta suasana persidangan IPF itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang saya lihat, apa yang saya dengar, apa perasaan saya dan suasana mesyuarat akan saya sampaikan kepada Perdana Menteri," katanya.

Abdullah juga ditanya mengenai Ketua Penyelaras Badan Bertindak Melayu (BBM) Datuk Ibrahim Ali yang berkata badan itu tidak akan meminta maaf kepada UMNO di atas kritiknya serta akan terus bersuara lantang mengenai isu-isu kepentingan orang Melayu.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata ahli Umno sendiri akan dapat menilai perkara itu.

"Yang pentingnya dalam Umno, tidak berlaku kumpulan serpihan," katanya.

Beliau berkata kekuatan Umno mesti terus bersandar pada muafakat dan apa juga masalah dalam parti mesti diselesaikan secara musyawarah.

Abdullah berkata ada juga perkara yang perlu dibawa dan diuruskan di peringkat Majlis Tertinggi parti itu.

Beliau berkata anggota Umno akan tetap turun ke padang dan berjumpa rakyat bagi mendekati diri mereka dengan masalah rakyat.

Beliau juga ditanya adakah Umno akan mengambil tindakan disiplin ke atas ahli-ahlinya yang bergiat dalam BBM.

"Waktu ini saya tidak fikir aspek tindakan disiplin yang diambil pada sesiapa... yang penting ahli-ahli Umno sendiri menilainya (tindakan mereka)," katanya.

-- BERNAMA

RV MUN ES AKD